



10 FEB, 2026

TNB, JKR rugi puluhan juta kabel aluminium dicuri

Kosmo, Malaysia



TNB, JKR rugi puluhan juta kabel aluminium dicuri



IZHAM bersama Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Ir. Shukri Ishak semasa melihat Kenderaan dan Jentera Baharu JKR Negeri Selangor di Stadium Mini JKR, Shah Alam.

SHAH ALAM – Kes kecurian kabel terutama melibatkan lampu jalan merekodkan peningkatan ketara dengan kerugian mencecah puluhan juta ringgit di Selangor tahun lalu.

Kegiatan itu membabitkan kabel aluminium di lebuh raya, jalan Persekutuan dan jalan negeri.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izham Hashim berkata, nilai aluminium yang tinggi di pasaran dipercayai antara faktor utama peningkatan kes kecurian itu berbanding kabel berasaskan tembaga sebelum ini.

Katanya, ia memberi kesan besar kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

“Kita mendapati kes kecurian meningkat dengan jumlah kerugian tinggi. TNB rugi lebih RM30 juta, manakala JKR pula termasuk kes terbaharu di Sepang menanggung kerugian jutaan ringgit,” katanya.

Izham bagaimanapun tidak menyatakan secara spesifik jumlah kes tersebut setakat ini.

Justeru katanya, kerajaan negeri sedang mengumpul data kerugian rasmi daripada JKR,

TNB dan pihak berkuasa tempatan mengenai keseriusan isu berkenaan.

“Isu kecurian itu juga dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat pemukiman Jawatankuasa Tetap Negeri kerana ia menjejaskan keselamatan dan kemudahan awam seperti lampu jalan.

“Selain itu, kita akan mengadakan pertemuan dengan pihak keselamatan termasuk polis dalam masa terdekat bagi merangka langkah proaktif membendung kegiatan kecurian berkenaan,” ujarnya.